



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 24 DISEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENIAGA DAKWA SUKAR DAPAT BEKALAN, HARGA KELAPA NAIK 50 SEN SEBIJI, GEORGE TOWN, SH -26	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2. 3.	LELONG POKOK CILI KERANA BANJIR, DALAM NEGERI, UM -12 CARI BEKALAN LEMBU KORBAN SAMPAI KE PERAK, DALAM NEGERI, UM -33	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/12/2024	SINAR HARIAN	GEORGE TOWN	26

Peniaga dakwa sukar dapat bekalan, harga kelapa naik 50 sen sebiji

GEORGE TOWN - Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) bimbang terhadap kenaikan mendadak harga kelapa yang disifatkan membebankan pengguna di negeri ini.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, hasil tinjauan pihaknya mendapati, harga kelapa meningkat mendadak daripada RM2 kepada RM2.50 sebiji.

Menurutnya, lebih mengejutkan apabila kelapa bersaiz besar boleh

minggu sebelumnya ini sehingga mencetuskan kebimbangan mengenai kemungkinan kekurangan bekalan, katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Sehubungan itu, Mohideen mengesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyiasat kenaikan harga dan bekalan kelapa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/12/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Lelong pokok cili kerana banjir

PEKAN: Dugaan buat seorang penanam cili di Kampung Ganchong Tengah di sini, apabila terpaksa melelong 500 pokok cili berikutan tanamann itu ditenggelami banjir.

Aininor Faridah Hussain, 59, berkata, dia terpaksa menjual sepokok cili besar dan menghasilkan buah lebat hanya RM10 berbanding harga pasaran yang boleh mencecah RM35.

"Ketika hujan lebat pada awal bulan lalu, saya lihat pokok cili mula ditenggelami banjir hingga paras betis. Kali pertama tanaman dinaiki air, saya jual pada harga RM35 sepokok namun tidak menerima sambutan menggalakkan.

"Setelah melihat keadaan hujan lebat berterusan, saya ambil keputusan jual pada harga RM10 sepokok dan mempromosikannya dalam laman sosial Facebook. Alhamdulillah, ia sudah habis dijual," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Aininor Faridah berkata, dia memulakan projek menanam cili pada 31 Ogos lalu.

"Saya baru pertama kali cuba menanam pokok cili ini atas



KIRA-KIRA 500 pokok cili milik Aininor Faridah dijual secara lelong di Kampung Ganchong Tengah, Pekan, Pahang.

cadangan rakan yang melihat hadapan rumah saya ada tanah luas.

"Rakan saya ini seorang yang arif menanam pokok cili, jadi dia cadangkan saya cuba dan berkongsi modal permulaan dengannya," katanya memberitahu modal permulaan untuk tanaman cili itu sebanyak RM6,000.

Katanya, dia hanya sempat

mengutip hasil dua kali sebelum terpaksa melelong keseluruhan tanaman tersebut.

"Sempatlah juga kami merasa hasil sebelum semuanya dijual dengan hanya memperoleh pulangan modal asal. Kali terakhir memetik hasil pada awal bulan lalu, sekitar berbelas kilogram cili dipetik, sebahagiannya dijual kepada peraih," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/12/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33



TERNAKAN lembu yang diusahakan Mohammad Afizul Mohammad Azri di Kampung Sungai Tiang Darat di Bagan Datuk, Perak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Cari bekalan lembu korban sampai ke Perak

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamula.com.my

BAGAN DATUK: Banjir di Kelantan dan Terengganu yang menjejaskan ternakan lembu di negeri itu menyebabkan pembekal haiwan tersebut terpaksa membuat tempahan daripada penternak di Perak.

Langkah itu sebagai persediaan awal bagi memenuhi permintaan tinggi menjelang Hari Raya Aidiladha nanti untuk menjalani ibadah korban.

Seorang penternak lembu di Kampung Sungai Tiang Darat di sini, Mohammad Afizul Mohammad Azri, 32, berkata, walaupun hari raya korban disambut pada Jun depan, dia sudah mula menerima tempahan untuk lembu korban.

"Saya tak sangka ada pembekal dari Kelantan dan Terengganu yang membuat tempahan lembu korban. Mereka bukan pelanggan tetap saya cuma mereka mengetahui saya membela lembu daripada kawan-kawan.

Mereka kata banyak lembu ternakan yang mati akibat banjir di kedua-dua negeri itu dan keadaan itu mungkin menyebabkan bekalan untuk lem-

bu korban terjejas, jadi mereka mencari bekalan lembu hingga ke negeri ini.

"Saya akan cuba membekalkan tempahan yang dibuat dan diharap ini dapat membantu pembekal di kedua-dua negeri terjejas banjir mendapat bekalan yang mencukupi untuk ibadah korban," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, seorang pembekal lembu dari Pasir Mas, Kelantan, Mohamad Nordin Mat Desa, 67, berkata, dia membuat tempahan awal bagi memastikan pelanggan memperoleh tempahan yang dibuat untuk Aidiladha nanti.

"Kalau ikutkan Aidiladha memang lambat lagi tetapi saya awal-awal lagi mencari penternak yang boleh membekalkan lembu untuk korban pada Jun depan.

"Saya sudah menerima tempahan daripada penduduk di Kelantan dan saya berusaha memenuhi tempahan mereka dengan memastikan bekalan mencukupi sehingga sanggup datang ke sini.

"Permintaan lembu untuk korban kali ini agak tinggi, setakat ini sudah mencecah sehingga 80 ekor," katanya.